

13 NOV 1998

APEC-BERITA-PAMERAN/I

DR MAHATHIR RASMIKAN PAMERAN PERDAGANGAN APEC

Oleh: E.Sivabalan

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Pameran Perdagangan Antarabangsa Apec di Pusat Pameran Mines di sini.

Pameran yang berlangsung selama empat hari itu dianjurkan bersempena dengan forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) dari 12 hingga 18 Nov, mesyuarat yang dihadiri para pegawai kanan, menteri dan pemimpin dari 21 anggota ekonomi.

Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) menjadi tuan rumah pameran tersebut, dengan FMM Services Sdn Bhd dan Reed Exhibition masing-masing sebagai penganjur dan pengurus acara berkenaan.

Pameran itu bertemakan "Peningkatan Persaingan Sejagat Menerusi Teknologi dan Pembangunan Sumber Manusia."

Antara mereka yang hadir pada majlis perasmian itu ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan orang-orang kenamaan luar negeri.

Ekonomi-ekonomi anggota Apec merupakan pasaran yang amat besar, iaitu 2.4 bilion dengan gabungan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) AS\$16.6 trilion dan merangkumi 46 peratus jumlah dagangan sejagat dalam tahun 1997. Eksport bernilai AS\$2.5 trilion dan import pula bernilai AS\$2.6 trilion.

Pengurus Besar Reed Exhibition Sdn Bhd Steven Thong berkata 350 peserta pameran dari 21 negara ekonomi, termasuk 76 syarikat Malaysia, mengambil bahagian pameran tersebut yang dijangka menghasilkan jumlah jualan bernilai RM100 juta.

Antara syarikat Malaysia yang menyertai pameran itu ialah Petronas, kumpulan DRB-Hicom, Telekom Malaysia Bhd, Golden Hope Plantations, kumpulan Renong, Group, Southern Bank Bhd, Celcom Malaysia Sdn Bhd dan Nestle Products Sdn Bhd.

Syarikat-syarikat dari Amerika Syarikat, Peru, Russia, Korea Selatan, China dan New Zealand adalah antara peserta antarabangsa yang menyertai acara itu.

Pameran itu dibuka kepada pengunjung perdagangan dari pukul 10 pagi hingga 7 malam dan kepada orang awam dari pukul 4 petang hingga 7 malam setiap hari bermula hari ini hingga Isnin depan.

Anggaran 20,000 pengunjung, termasuk pembeli dari luar negara dijangka menghadiri pameran tersebut, katanya.

Pameran itu memperagakan barangan serta perkhidmatan terdiri daripada sektor automotif, makanan dan minuman, penjagaan kesihatan, telekomunikasi dan pelancongan.

Pengunjung akan berpeluang melihat dengan lebih dekat model-model kereta baru Proton Perdana V6 dan Satria GTi yang baru sahaja dilancarkan oleh Perdana Menteri semalam.

Lawatan ke Taman Teknologi Malaysia dan seminar mengenai peluang-peluang pelaburan adalah antara kegiatan yang diatur untuk para peserta pameran.

-- BERNAMA

ES MA